



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PENGOPERASIAN SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN BERSEPADU KERAJAAN PERSEKUTUAN (iGFMAS) DALAM TEMPOH PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2024.

Merujuk kepada situasi penutupan akaun akhir tahun 2024, terdapat peningkatan penggunaan yang sangat luarbiasa menyebabkan gangguan operasi dan kesesakan dalam sistem iGFMAS.

Maklumat bilangan pengguna iGFMAS yang mengakses secara serentak pada masa ini meningkat sebanyak 37,000 (147%) berbanding tempoh normal yang tidak melibatkan aktiviti penutupan akhir tahun sepertimana berikut:

Perkara	Tempoh Normal	Tempoh Penutupan Akhir Tahun
Bilangan Pengguna Tertinggi Mengakses iGFMAS Secara Serentak	15,000	37,000

Bagi memastikan kelancaran sistem, **strategi melalui kaedah penggiliran harian** mengikut Pejabat Perakaunan telah diambil bagi memastikan pengoperasian iGFMAS adalah pada tahap yang optimum.

Kementerian Kewangan melalui surat MOF.100-21/14/7JLD.4(6) bertarikh 5 Disember 2024 telah bersetuju untuk melanjutkan **tarikh akhir kunci masuk baucar bayaran di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi sehingga 8 Disember 2024**. Prosedur Operasi Standard (SOP) akan diedarkan kepada Pejabat Perakaunan dan PTJ bagi melancarkan proses Penutupan Akhir Tahun 2024.

Semua Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memberi keutamaan kepada proses mengunci masuk baucar bayaran penting terlebih dahulu terutamanya yang melibatkan perolehan bekalan dan perkhidmatan serta perolehan kerja.